

Idafah Kata Sandaran

Dari sudut bahasa, kata *إِضَافَةٌ* ialah terbitan daripada kata *أَضَافَ* yang bererti perlakuan menyandarkan sesuatu kepada sesuatu yang selainnya. Secara umumnya, majoriti sarjana Arab mendefinisikan *idafah* sebagai perkaitan dua kata nama yang lafaz dan maknanya saling bersandaran antara satu dengan lain. Kata pertama disebut *mudaf*, dan kata kedua disebut *mudaf ilaih*. Penggunaan *idafah* bertujuan untuk mengkhususkan makna. Misalnya, Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Muzzammil* ayat 6 (إِنَّ نَاشِئَةَ اللَّيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْئًا وَأَقْوَمُ قِيلاً) yang bermaksud, “Sebenarnya ibadat malam lebih kuat kesannya dan lebih tetap bacaannya.”

Ayat ini mengandungi rangkai kata berunsur *idafah*, iaitu *نَاشِئَةَ اللَّيْلِ*. Kata *نَاشِئَةٌ* sebagai *mudaf* (kata bersandar) kepada kata *اللَّيْلِ* yang bercirikan *mudaf ilaih* (kata yang disandarkan kepadanya). Penerapan *idafah* tersebut bertujuan untuk menukarkan ciri makna umum, *نَاشِئَةٌ* (ibadat) kepada makna khusus, *نَاشِئَةُ اللَّيْلِ* (ibadat malam). Jika diamati, ada kaedah dan pola tertentu dalam pembentukan kata *mudaf* seperti yang berikut:

Jadual Ciri kata *mudaf*.

مؤنث (feminin/perempuan)	مذكر (maskulin/ lelaki)	Gender Bilangan
Bebas daripada partikel alif lam <i>ta'rif</i> (ال) pada awal kata dan baris tanwin pada akhir kata.		مفرد (tunggal)
/---تا/	/---ا/	مثنى (dua)
/---تي/	/---ي/	جمع السالم (tiga dan ke atas yang bernyawa)
/---ات/	/---و/	جمع التكسير (tiga dan ke atas yang tidak bernyawa)
/---ات/	/---ي/	
Bebas daripada partikel alif lam <i>ta'rif</i> (ال) pada awal kata dan baris tanwin pada akhir kata.		جمع التكسير (tiga dan ke atas yang tidak bernyawa)

Jadual tersebut menunjukkan ciri kata *mudaf* yang ada perkaitan dengan bilangan. Pada dasarnya, kata *mudaf* bebas daripada partikel alif lam *ta'rif* (ال) pada awal kata dan baris tanwin pada akhir kata. Dari sudut fleksi (i'rab), kata *mudaf* berkemungkinan datang dengan nominatif (*marfu'*), akusatif (*mansub*) atau genitif (*majrur*) memandangkan ciri ini bergantung pada fungsi utama yang melatari sesuatu kata.

Misalnya, ayat 13 *Surah Ali 'Imran* (زَيْنَ النَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ) yang bermaksud, “diperlihatkan indah kepada manusia cinta syahwat” yang mengandungi *idafah*, iaitu *حُبُّ الشَّهَوَاتِ*. Kata *mudaf* (*حُبُّ*) bercirikan *marfu'* (?) memandangkan fungsi utama kata ini ialah *naib fa'il* (pengganti pelaku). Ayat 96 *Surah al-Kahfi* (أَتُونِي زُبَرَ الْحَدِيدِ) yang bermaksud, “bawalah kepadaku ketul-ketul besi” memperlihatkan ada *idafah* (*زُبَرَ الْحَدِيدِ*) iaitu kata *mudaf* (*زُبَرَ*) bercirikan *mansub* (-) kerana fungsi utama kata *زُبَرَ* dalam ayat berkenaan ialah *maf'ul bih*. Begitu juga ayat 25 *Surah Maryam* (وَهَرَي إِلَيْكَ بِجَذَعِ النَّخْلَةِ) yang bermaksud, “dan gearlah ke arahmu pohon tamar itu” yang menyerlahkan ciri *idafah* (*جَذَعِ النَّخْلَةِ*). Kata *mudaf* (*جَذَعِ*) datang dengan *majrur* (-) memandangkan kalimah ini didahului oleh partikel jar (بِ). Yang pasti, fleksi kata *mudaf ilaih* bercirikan *majrur* sahaja. Maka itu, tidak hairanlah apabila kata *mudaf* ilaihi dalam contoh sebelum ini (*النَّخْلَةِ, الْحَدِيدِ, الشَّهَوَاتِ*) datang dengan *majrur* bertanda kasarh.

Sekiranya kata *mudaf* bercirikan *muthanna* (dua) dan jamak salim, maka nun yang ditambah pada akhir kata seharusnya digugurkan. Contohnya, firman Allah SWT (ثُمَّ إِنَّهُمْ لَصَالُوا الْجَحِيمِ) yang bermaksud, “Kemudian, sesungguhnya mereka ialah penderita neraka.” (*Surah al-Mutaffifin* 83:16). Dalam ayat ini, terdapat *idafah* (*صَالُوا الْجَحِيمِ*), iaitu kata *mudaf* ialah *صَالُوا*. Pada hakikatnya, asal kalimah *صَالُوا* ialah *صَالُونَ* yang bercirikan jamak salim dengan fleksi *marfu'* memandangkan fungsi utama kata ini ialah *khobar inna*. Oleh sebab kata *صَالُونَ* juga berfungsi sebagai *mudaf*, maka nun pada akhir kata digugurkan (*صَالُوا*).

Oleh itu, kefahaman terhadap ciri *idafah* adalah signifikan dan relevan memandangkan elemen ini datang dengan kekerapan penggunaannya yang tinggi dalam al-Quran. Penguasaan *idafah* membantu dalam kefahaman makna teks secara holistik. 🌟